

Mahathir dedah golongan fanatik perosak agama

U.M. 15 SEP 1993

(P) KUALA LUMPUR 14 Sept. — Golongan fanatik Muslim yang berbangga dan mendakwa kononnya mereka pengikut setia ajaran Islam sebenarnya adalah perosak kesucian agama itu.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, golongan inilah yang memberi imej buruk kepada Islam dan menghalang dunia daripada memahami ajaran-ajaran agama tersebut.

Beliau berkata, akibat perbuatan mereka juga ada penganut Islam yang meninggalkan kepercayaan dan terjerumus ke dalam pujuk rayu kebendaan.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa menyampaikan ucapan dasar pada Seminar Peranan dan Pengaruh Agama dalam Masyarakat di sini hari ini.

Seminar empat hari ini dianjurkan oleh Institut

Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Goethe Institute Kuala Lumpur.

Perdana Menteri berkata, masyarakat Islam sekarang lemah dalam semua segi, ditekan serta ditindas malah kadang kala mereka sendiri memahami ajaran Islam dengan cara yang tidak Islamik.

"Kerana inilah, Islam dan umat Islam mendapat nama buruk," kata Dr. Mahathir.

Selain itu, beliau berkata, golongan fanatik Islam dikaitkan dengan amalan-amalan tidak berprinsip seperti keganasan dan kekejaman terhadap saudara seagama serta penganut agama lain.

Akibatnya, kata Dr. Mahathir, umat Islam bukan sahaja tidak dapat mengawal nasib mereka tetapi dimanipulasikan dan dijadikan alat oleh pihak lain.

Beliau berkata, masyarakat Islam hari ini sedang keliru dengan kemunculan pelbagai mazhab dan fahaman, dan ada antara fahaman ini melencong daripada ajaran Islam sebenarnya.

Kelemahan, kegagalan dan kekeliruan mereka itu tidak memberikan umat manusia sejagat suatu model yang baik untuk ditonjolkan, kata beliau.

Dr. Mahathir menambahkan, sejarah mengajar bahawa kebangkitan dan runtuhnya tamadun manusia bergantung kepada umat yang menjadi rakyat sesebuah tamadun kerana merekalah yang mencipta peradaban.

Justeru itu, kata beliau, mutu umat Islam adalah ~~unsur~~ terpenting yang menjamin perubahan masyarakat dan negara Islam.